



# KEMATANGAN ROHANI

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Kematangan Rohani**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Kematangan Rohani

<sup>10</sup>Tetapi apabila Allah membuat semuanya sempurna, maka yang tidak sempurna akan lenyap.

<sup>11</sup>Semasa aku masih kanak-kanak, aku bercakap, bersikap, dan berfikir seperti kanak-kanak. Tetapi sekarang setelah dewasa, aku tidak lagi berkelakuan seperti kanak-kanak. <sup>12</sup>Allah yang kita lihat sekarang ini hanya seperti bayangan kabur pada cermin muka. Tetapi kelak kita akan melihat-Nya dengan jelas. Sekarang apa yang aku ketahui belum lengkap, tetapi kelak aku akan mengetahui semuanya, seperti Allah mengetahui segala sesuatu tentang diriku.

*(1 Korintus 13:10-12)*

**S**eorang Kristian akan bertumbuh dan menjadi matang sama seperti seorang anak bertumbuh menjadi seorang dewasa. Walau bagaimanapun, pertumbuhan rohani tidak bergantung sepenuhnya mengikut kitaran waktu seperti pertumbuhan fizikal. Seorang Kristian yang telah menghadiri gereja berdekad lamanya mungkin tidak mempunyai kerohanian yang matang jika dibandingkan dengan mereka yang baru sahaja menjadi Kristian tetapi mempamerkan hikmat dan pengertian yang mendalam.

Terdapat beberapa faktor yang menjurus kepada pertumbuhan rohani. Buku ini akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kematangan rohani. Kita akan melihat aspek-aspek doa, pembelajaran Alkitab dan masa teduh. Beberapa buku dalam Siri ini akan membincangkan tentang disiplin kerohanian yang lain seperti renungan, penyembahan dan berpuasa.

## A. Doa

Sebagai umat Kristian, doa merupakan pusat utama kegiatan kita. Ini kerana ia membawa kita ke dalam hubungan dengan Bapa kita di syurga. Doa merupakan perhubungan dengan Allah. Doa yang sebenar bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah, serta semakin menyerupai Yesus di dalam proses pertumbuhan rohani kita.



Dengan berdoa, kita mendengar kehendak Bapa di syurga. Kita belajar untuk mematuhi kehendak-Nya. Kita juga melihat segalanya menurut pandangan-Nya. Dalam 1 Tesalonika 5:16-17, Rasul Paulus menasihati kita untuk

“Bersukacitalah senantiasa. Tetaplah berdoa. Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu.”

## 1. *Yesus dan Doa*

Lihat Markus 1:35. Setelah seharian melakukan pelayanan dan mukjizat kesembuhan, Yesus mungkin memilih untuk merehatkan diri. Namun, apakah yang Dia lakukan?

“Esok paginya, ketika masih subuh, Yesus bangun lalu meninggalkan rumah. Dia pergi ke luar kota, ke suatu tempat yang sunyi untuk berdoa.” (Mrk 1:35)

Ini bukanlah satu-satunya peristiwa perkara ini berlaku. Lukas 6:12, 9:28, 11:1 juga menceritakan perkara yang sama. Bagi Yesus, doa merupakan kepentingan utama dan ia lebih penting daripada istirahat.

“Pada masa itu Yesus naik ke sebuah bukit untuk berdoa. Di situ Dia berdoa kepada Allah semalam-malaman” (Luk 6:12)

“Kira-kira seminggu setelah Yesus mengatakan perkara-perkara itu, Dia membawa Petrus, Yohanes, dan Yakobus ke sebuah bukit untuk berdoa.” (Luk 9:28)

“Pada suatu hari, Yesus berdoa di suatu tempat. Setelah Dia berdoa, salah seorang pengikut-Nya berkata kepada-Nya, “Ya Tuhan, ajarlah kami berdoa sebagaimana Yohanes mengajar pengikutnya berdoa.” (Luk 11:1)

<sup>2</sup>Yesus berkata kepada mereka, “Berdoalah demikian,  
‘Ya Bapa, Engkaulah Allah yang Esa.  
Semoga Engkau disembah dan dihormati.  
Engkaulah Raja kami. Semoga Engkau memerintah di bumi.  
<sup>3</sup>Berilah kami makanan yang kami perlukan setiap hari.  
<sup>4</sup>Ampunkanlah dosa kami, kerana kami pun mengampuni  
setiap orang yang bersalah terhadap kami.  
Dan janganlah biarkan kami kehilangan iman  
ketika dicubai.” (Luk 11:2-4)

Lukas menyatakan dalam Lukas 11:1-4, bahawa murid-murid Yesus meminta-Nya mengajar mereka untuk berdoa. Ini adalah satu-satunya perkara yang mereka ingin pelajari daripada-Nya. Pada pendapat anda, apakah yang mereka lihat di dalam kehidupan Yesus ketika itu sehingga mereka berbuat demikian?

## 2. Umat Allah dan Doa

Lihat Mazmur 63:2. Apakah pendapat anda tentang sikap Daud terhadap doa?

“Ya Allah, Engkaulah Allahku, aku mencari Engkau, jiwaku haus kepada-Mu, tubuhku rindu kepada-Mu, seperti tanah yang kering dan tandus, tiada berair.” (Mzm 63:2)

“Kami sendiri akan menggunakan masa kami untuk berdoa dan memberitakan perkhabarannya daripada Allah.” (Kis 6:4)

Lihat Kisah Rasul-Rasul 6:4. Di sini, Petrus mengatakan kepada Gereja awal tentang perkara yang menjadi kepentingan kepada para rasul. Bagaimanakah pandangan para ketua gereja tentang doa?

### 3. *Membetulkan Kesalahfahaman Tentang Doa*

- a) Doa bukan hanya memohon atau meminta sesuatu dari Allah.

Pandangan umum tentang doa adalah seperti membeli-belah di hadapan Allah. Ada waktunya untuk memanjatkan permintaan dan Allah mengalu-alukannya, tetapi tujuan utama doa ialah untuk mendengar dan mengetahui apa yang Allah kehendaki dari kita. Matius 6: 9-13, dimulakan dengan “Bapa” dan diakhiri dengan “biarlah ia terjadi mengikut kehendak Bapa”.

- b) Doa bukan selalunya suatu pergumulan.

Ada waktu untuk kita bergumul di dalam doa seperti Yesus di Taman Getsemani. Akan tetapi di kebanyakan waktu, doa bertujuan untuk kita meluangkan masa bersama Yesus. Ia adalah masa untuk bersahabat dan bersekutu dengan Yesus di dalam sukacita dan ketenangan.

- d) Doa boleh mengubah sesuatu.  
Kita biasanya jarang berdoa malah doa kita selalunya bersifat samar-samar kerana kita merasakan segalanya sudah ditentukan dan doa kita tidak mungkin dapat mengubah apa-apa. Tetapi, Allah memanggil kita untuk menjadi sahabat kerja-Nya. Oleh itu, kita sebenarnya merupakan pekerja yang aktif bergiat bersama Allah. Kerana itulah Allah menjawab doa syafaat dan permintaan kita. Doa menggerakkan tangan Allah.

#### **4. Beberapa Panduan Umum**

Oleh kerana pengikut Yesus meminta-Nya untuk mengajar mereka berdoa, ini menunjukkan bahawa doa boleh diajar dan dipelajari. Ini bermakna, kita akan mengkaji, membaca, mempraktikkan dan belajar daripada kesalahan yang kita lakukan di sepanjang proses menjadi seorang pendoa yang matang.

a) Sikap

Doa merupakan usaha untuk mendengar suara Allah. Oleh itu, datanglah kepada-Nya dengan kerendahan hati dan penuh harapan. Allah ingin membina satu perhubungan yang kukuh dengan umat-Nya. Jangan bimbang ketika Dia menyepi. Ini adalah masanya untuk anda mendengar secara diam.

b) Disiplin

Kita harus mengambil masa dan usaha untuk belajar. Tetapkan masa yang sesuai untuk anda



berdoa. Sediakan buku peribadi untuk anda tuliskan penemuan dan pembelajaran baru. Selidiki corak yang ada di dalam hasil tulisan anda untuk mengenal-pasti apa yang Allah ingin sampaikan. Bacalah buku-buku tentang doa. Buku berjudul “*Prayer*” hasil tulisan Richard Foster merupakan salah satu buku yang sesuai untuk dibaca. Bacalah juga doa-doa yang ada di dalam Alkitab.

c) Aktiviti Berkumpulan

Mulakan satu kelompok doa atau ikutilah persekutuan doa yang sedia ada di gereja anda. Berdoa dengan satu dan sama lain dan berdoa untuk sesama adalah aktiviti yang baik untuk mencetus minat berdoa. Ada kalanya kita perlu berdoa bersendirian dan ada kalanya kita juga perlu berdoa secara berkumpulan. Seimbangkannya.

## **5. Bagaimana untuk Berdoa?**

Sama seperti berkomunikasi, doa juga boleh seringkas tangisan seorang bayi ataupun seromit kiasan seorang ahli bahasa. Mereka yang baru mengenal Tuhan mungkin hanya berdoa memohon keampunan dan memohon sesuatu dari-Nya, manakala mereka yang telah lama mengenal Allah mungkin bergumul di dalam mengutamakan kehendak-Nya lebih daripada kehendak diri. Berikut adalah beberapa cadangan untuk anda memulakan pengembaraan keintiman bersama Bapa yang Penyayang.

a) Doa satu ayat

Anda mungkin merasa kerdil dengan doa panjang lagi berkias orang lain. Akan tetapi, anda harus sedar ini bukanlah yang Allah cari. Dia melihat hati kita. Tidak salah untuk berdoa panjang asalkan isinya datang dari hati yang ikhlas untuk tunduk kepada-Nya.

Anda boleh bermula dengan menggunakan ‘doa satu ayat’. Pilih satu topik di dalam kumpulan. Sebagai contoh, topik ‘puji-pujian’. Setelah itu, setiap orang harus memuji Allah dengan menggunakan satu ayat. Sebagai contoh:

“Terpujilah Tuhan, sebab Engkau baik!”

“Kami memuji-Mu, ya Allah yang memegang segala-galanya dalam tangan-Mu!”

Anda juga boleh menumpukan kepada sifat-sifat Allah. Sebagai contoh:

“Tuhan yang Maha Pengasih, kesetiaan-Mu baru setiap pagi!”

“Engkaulah Raja segala Raja, ya Allah!”

Anda boleh menggunakan doa seperti ini di mana sahaja anda berada: ketika anda di dalam bas, sedang memandu, dalam kelas, sedang memandang fajar menyinsing, bahkan ketika anda sedang menonton berita di waktu malam!

b) Berdoa menggunakan Alkitab.

Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk memperkaya amalan doa anda. Anda sebenarnya sedang berbual secara langsung dengan Allah. Allah berbicara kepada anda melalui firman yang anda sedang baca dan anda memberi respon melalui doa. Anda boleh melakukan ini setiap kali anda membaca Alkitab.

Sebagai contoh kita akan menggunakan petikan dari Mazmur 23. Contoh dialog yang boleh digunakan adalah seperti berikut. Ayat Alkitab ditebalkan manakala respon ditulis dengan tulisan condong.

**Tuhan adalah Gembalaku...**

*"Terima kasih Tuhan kerana menjadi Gembalaku."*

**Takkan berkekurangan aku...**

*"Tuhan, terima kasih kerana memberikan segala keperluanku. Terima kasih!"*

**Dia membaringkan aku di padang yang berumput hijau...**

*"Saya merasakan damai bersama-Mu, Ya Tuhan."*

**Dia menyegarkan jiwaku...**

*"Terima Kasih Bapa kerana menyegarkan fikiran dan roh saya yang sedang kepenatan."*


dan sebagainya....

c) Format **ACTS**

Kaedah ini akan memberikan anda panduan untuk anda berdoa. Ini merupakan salah satu dari beberapa cara untuk anda berdoa. **ACTS** bermaksud:

- Adoration** (Memuji) - Memuji Allah kerana Dia adalah Allah dan Tuhanmu.
- Confession** (Pengakuan) - Bawa segala pelanggaran atau dosa anda di hadapan Tuhan.
- Thanksgiving** (Pengucapan Syukur) - Mengucap syukur atas segala-galanya yang Dia telah berikan kepada anda.
- Supplication** (Permohonan) - Menjadi pengantara (berdoa syafat) untuk orang lain.

Dalam proses ini, teruslah mendengar suara Allah di dalam roh anda. Ingatlah doa ialah satu perhubungan dua hala!



## B. Pembelajaran Alkitab

Pembelajaran Alkitab merupakan makanan harian kehidupan rohani kita. Pertumbuhan rohani umat Kristian selalunya terbantut kerana mereka tidak menyantap kebenaran Firman Tuhan. Kita tidak akan mendapatkan kefahaman penuh tentang Firman Tuhan sekiranya kita hanya sekadar memetik ayat kegemaran di merata tempat. Kita harus tekun mempelajari Firman Tuhan untuk bertumbuh. Yesus berkata di dalam Yohanes 8:32 bahawa kebenaran akan membebaskan kita. Kebenaran akan membebaskan kita untuk hidup sesuai dengan Firman Allah. Ia juga dapat melindungi kita daripada ajaran-ajaran yang salah.

### ***1. Satu Pendekatan untuk Lebih Memahami Alkitab***

#### a) Sikap yang betul

Kita harus mengakui kewibawaan Alkitab. Kita harus mematuhi ajaran yang dipelajari untuk memahami Alkitab. Yakobus 1:22 menyatakan “hendaklah kamu menjadi pelaku firman dan bukan hanya pendengar saja; sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri.”

#### b) Pembantu yang Betul.

Roh Kudus bukan sahaja mengilhamkan Kitab Suci, Dia turut menjadi Penolong untuk mengetahui kebenaran Firman Allah. Lihat Yohanes 16:13. Roh Kudus memampukan kita untuk memahami Kitab Suci. Oleh yang demikian, berdoalah untuk pimpinan Roh Kudus ketika anda mempelajari

Alkitab. Dengan bantuan-Nya, kita akan melihat kebenaran baru dalam pembacaan kita, walaupun ayat tersebut telah kita baca beberapa kali. Kita juga akan melihat banyak perkara dalam Alkitab untuk digunakan dalam kehidupan agar kita tidak menyimpang daripada jalan kebenaran. Apakah yang dikatakan di dalam *1 Korintus 2:14* tentang mereka yang memahami Firman Allah?

“Sesiapa yang tidak mempunyai Roh Allah, tidak dapat menerima kurnia daripada Roh Allah, kerana orang seperti itu tidak dapat memahaminya dan menganggapnya suatu kebodohan sahaja. Kurnia daripada Roh Allah hanya dapat dinilai secara rohani.” (*1 Kor 2:14*)

c) Soalan yang Tepat

Penulis *Rudyard Kipling* menyenaraikan enam soalan yang penting.

- Who? (Siapa?)
- What? (Apa?)
- Where? (Di mana?)
- When? (Bila?)
- How? (Bagaimana?)
- Why? (Kenapa?)

Soalan-soalan asas ini akan membantu kita untuk mencari jawapan. Soalan lain yang mungkin kita tanyakan ialah:

“Apakah konteks petikan ini?”

“Apakah maksud sebenar petikan ini kepada pembaca asal?”

“Apakah maksud petikan ini untuk saya/kita sekarang?”

Kita seharusnya menamatkan pembacaan Alkitab dengan **SPECS** dalam minda kita:

**Sin (Dosa)** - Adakah *dosa* yang patut saya elakkan?

**Promise (Janji)** - Adakah *janji* yang patut saya tuntutan?

**Example (Contoh)**- Adakah *contoh* yang patut saya ikuti?

**Command (Perintah)**- Adakah *perintah* yang patut saya turuti?

**Share atau Show** - *Perlihatkan atau kongsi*kan apa (Kongsi)kan yang saya telah pelajari.

Dengan cara ini, kita beralih daripada sekadar ilmu pengetahuan kepada mengaplikasikan Firman Allah yang mengubah kehidupan.


#### d) Alat yang Betul

Terjemahan Alkitab yang sesuai adalah amat penting. Untuk Gereja BM di Malaysia, kita hanya mempunyai dua pilihan: Alkitab Terjemahan Baru dari LAI dan Alkitab Berita Baik dari BSM. Ada beberapa Study Bible yang boleh anda guna (tetapi semuanya dalam Bahasa Indonesia) seperti Alkitab Edisi Studi, atau Alkitab Penuntun Hidup

Berkelimpahan. Study Bible bukan sahaja memberikan anda teks-teks Alkitab tetapi ia juga membekalkan nota-nota dan ulasan penting supaya anda boleh memahami Alkitab dengan lebih baik.

Sumber-sumber lain yang baik ialah kamus Alkitab ataupun buku panduan Alkitab. Sumber-sumber ini akan memberikan anda informasi tentang latar belakang perkara-perkara yang sukar difahami di dalam Alkitab. Konkordans amat membantu untuk mencari lokasi ayat-ayat di dalam Alkitab. Atlas Alkitab boleh membantu anda untuk melihat dan mengukur setiap kawasan atau rantau dalam Alkitab dengan jelas.

Akan tetapi, harus diingati bahawa sumber asas dan terbaik ialah Alkitab itu sendiri. Jadi, teruskan pelajarinya!





## C. Membaca Alkitab Secara Menyeluruh

Selain daripada mempelajari Alkitab, anda juga harus membaca Firman Allah setiap hari. Seorang Kristian harus menyasarkan pembacaan penuh Alkitab di dalam setahun atau beberapa tahun. Dan proses ini haruslah diulangi.

### 1. *Mengapa kita harus membaca Alkitab secara menyeluruh?*

Setiap kitaran pembacaan akan memberi anda pandangan baru tentang Alkitab. Perkara yang sebelum ini kurang jelas bagi anda mungkin menjadi penting dan relevan. Dengan berbuat demikian, anda memperoleh pandangan terhadap Alkitab dengan lebih baik malah mampu memahami erti Alkitab dengan lebih mendalam. Janganlah khuatir dengan butiran yang tidak mampu anda fahami mahupun bahagian yang seakan-akan tidak relevan pada waktu tersebut. Matlamat anda ialah untuk mendapatkan satu pandangan menyeluruh tentang Alkitab yang lebih jelas.

### 2. *Skema Pembacaan Alkitab*

Terdapat beberapa panduan berbeza yang dapat membantu anda untuk membaca Alkitab secara menyeluruh.

Kaedah yang biasa digunakan ialah dengan membaca dari Kejadian sehinggalah ke Wahyu.


Ini boleh dilakukan dengan disiplin serta membaca tiga bab sehari dan lima bab pada hari ahad. Terdapat senarai yang boleh membantu anda untuk menjejaki bab bacaan.

Cara lain untuk membaca Alkitab secara kronologi atau teratur adalah dengan membaca perkara yang berlaku dalam sejarah. Buku *Cover to Cover* oleh Selwyn Hughes boleh membantu dalam pembacaan anda.

Selain daripada itu, satu lagi pendekatan yang boleh anda gunakan ialah dengan merasai kategori ataupun jenis kesasteraan yang berbeza di dalam Alkitab. Anda boleh mengamalkannya satu hari setiap minggu. Pada hari pertama, anda boleh membaca beberapa sejarah, pada hari berikutnya anda boleh membaca sastera, dan kemudian anda akan membaca surat-surat dan seterusnya. Anda boleh mendapatkan maklumat pembacaan sistematik dari laman sesawang.

## D. Masa Teduh

### 1. *Apa itu Masa Teduh?*



Istilah ini merujuk kepada masa berkala yang diasingkan secara khusus untuk bersekutu dengan Tuhan. Amalan ini ialah ramuan penting di dalam pertumbuhan seorang Kristian. Sama seperti tubuh manusia yang memerlukan makanan untuk membesar, kesihatan rohani kita juga memerlukan

santapan harian. Santapan harian kerohanian kita ialah Firman Allah dan persekutuan dengan-Nya.

Doa dan pembelajaran Alkitab merupakan elemen penting sewaktu masa tersebut. Pastikan anda melakukan kesemua perkara yang anda pelajari sebelum ini. Adalah disarankan untuk anda melakukan “Masa Teduh” anda pada awal pagi kerana dengan cara ini kita menempatkan Allah di tempat pertama dalam jadual harian kita. Kita juga akan memulakan hari dengan gambaran minda yang betul dan harapan roh kita.

## **2. *Bagaimana untuk Memulakannya?***

### **a) Tetapkan Waktu**

Jika anda ingin mencari masa terluang untuk melakukan Masa Teduh, anda mungkin tidak akan menemuinya. Anda perlu menetapkan masa di dalam jadual harian untuk waktu tersebut. Jadikan waktu tersebut sebagai keutamaan di dalam jadual harian anda. Berjumpalah dengan Sang Raja kerana Dia ingin berjumpa dengan anda.

### **b) Tetapkan Tempat yang Sesuai**

Pilih satu tempat yang mana anda tidak terganggu dengan panggilan telefon, anak-anak, atau setiausaha anda. Anda perlu menumpukan perhatian untuk membina satu hubungan dengan Allah. Sekiranya persekitaran seperti itu sukar di dapati, maklumkan orang sekeliling bahawa anda tidak ingin diganggu

buat sementara waktu.

c) Sediakan Barangan yang Anda Perlukan.

Adalah penting untuk anda bersedia untuk menulis idea dan arahan daripada Allah untuk anda lakukan setiap hari. Sediakan Alkitab, buku nota, pen, dan kertas ketika anda ingin melakukan Masa Teduh supaya anda tidak tercari-cari ketika memerlukannya. Anda boleh memainkan muzik untuk membantu berada di dalam sikap menyembah ketika membaca Alkitab. Anda juga akan merasakan waktu ini amat penting bagi Allah ketika anda berusaha untuk menyediakan keperluan.

d) Jangan Putus Asa

Allah mungkin melakukan sesuatu yang luar biasa sewaktu anda melakukan Masa Teduh tetapi anda tidak seharusnya menjadikan itu sebagai tujuan utama. Ini kerana Tuhan selalunya berbicara melalui Roh Kudus ke dalam hati kita. Semakin lama anda mengamalkannya, anda akan lebih peka dan kenal akan suara Tuhan. Oleh itu, jangan putus asa dan pastikan ia tidak menjadi rutin yang membebankan. Nikmatilah saat tersebut. Ingatlah bahawa Allah Bapa kita di syurga sentiasa menantikan anda. Masa teduh bukanlah satu-satunya masa untuk berbual dengan Allah, ia seharusnya menjadi batu loncatan untuk kita bersekutu dengan-Nya sepanjang hari.

### 3. *Contoh Masa Teduh*

Berikut ialah beberapa contoh yang boleh digunakan sebagai panduan. Jangka masa yang disertakan hanyalah cadangan semata-mata. Allah mencipta kita semua secara berbeza. Oleh itu, Allah berbicara kepada kita sesuai dengan sifat dan keperibadian kita. Anda boleh menguji bagaimana anda boleh mendengar suara Sang Pencipta kita. Ingatlah, kita ingin bersekutu dengan Allah Bapa, bukannya sekadar memenuhi tanggungjawab.

**Rancangan 20 Minit** (Jangka masa hanya cadangan semata-mata)

#### 2 Minit

Tenangkan diri, tarik nafas, ketepikan masalah anda buat sementara waktu, gambarkan anda sedang duduk bersama Tuhan. Anda boleh menyanyi ataupun memainkan lagu sambil membaca Firman Tuhan. Ciptalah satu suasana yang menantikan perkongsian daripada Allah kepada anda.

#### 5 Minit

Baca Firman Tuhan yang telah ditetapkan dengan perlahan. Anda boleh membaca dengan suara kedengaran ataupun mendengar pembacaan Alkitab menggunakan alat elektronik.

Contohnya, baca petikan di bawah ini:

*Mazmur 131:2*

*Mazmur 46:10*

*1 Samuel 3:10*

### 9 Minit

Renungkan apa yang anda telah baca. Gunakan garis panduan (*SPECS*). Catatkan perkara yang telah anda pelajari. Ini adalah cara Allah berbicara dengan anda. Anda mungkin perlu menghafal beberapa ayat atau menuliskannya di atas sebuah nota kecil untuk dibawa bersama.

### 4 Minit

Luangkan masa untuk berdoa memberikan respon kepada perkara yang anda telah pelajari selepas membaca Firman Tuhan. Buatlah catatan.

- Sekiranya anda disedarkan akan **dosa**, **akuinya** di hadapan Tuhan dan mohonlah keampunan daripada-Nya.
- Sekiranya anda terbaca suatu **janji** Allah, **tuntutlah** ia daripada-Nya.
- Sekiranya terdapat **teladan**, mintalah **kekuatan daripada Roh Kudus** untuk membantu anda mencontohi ataupun mengelakkan diri daripada menjadi contoh yang tidak baik.
- Sekiranya terdapat **perintah**, berdoalah untuk kekuatan di dalam meng**amalkannya** di dalam kehidupan anda.
- Doakan juga peluang untuk bersaksi tentang apa yang telah anda pelajari kepada orang lain.

Doakan apa sahaja yang terlintas di fikiran anda. Adalah baik untuk anda catatkan bahan doa agar anda boleh memeriksa sekiranya Allah menjawab doa anda. Akhiri dengan doa atau menyanyikan lagu untuk menunjukkan rasa berterima kasih anda kepada Tuhan.

## E. Kesimpulan

Perjalanan hidup manusia ialah bergerak dari sifat kanak-kanak menjadi sikap dewasa yang matang. Demikian juga perjalanan kerohanian seorang Kristian, yang bergerak dari sifat duniawi menuju sifat dewasa yang matang!

Kita boleh menilai kematangan rohani seseorang dengan melihat 5 tanda kematangan yang berikut:

- (a) Karakter dan kepribadiannya sudah dewasa.
- (b) Dapat mengendalikan emosi.
- (c) Hubungannya dengan Tuhan menjadi semakin dekat.
- (d) Hubungannya dengan sesama adalah harmoni.
- (e) Dia melayani Tuhan dengan sepenuh hati.

Kita akan tahu kematangan rohani seseorang daripada 6 aspek kehidupannya (lihat 1 Korintus 13:11):

### **1. *Pemikiran-pemikirannya*** (Roma 12:2)

Kematangan rohani bermula daripada pemikiran kita. Kalau pemikiran kita sudah sejalan dengan Firman Tuhan, maka kita akan tumbuh menjadi matang! Oleh sebab itu kita harus mendisiplinkan pemikiran kita agar selalu selaras dengan Firman Tuhan. Apabila

fikiran kita dibaharui, maka hidup kita akan berubah.

## 2. **Kata-katanya** (Yakobus 1:26)

Kematangan rohani juga boleh dilihat dalam kata-kata yang kita ucapkan. Jika kita terus menerus mengucapkan kata-kata yang "jahat" (negatif) dan kotor, maka rohani kita akan sulit untuk bertumbuh!

Ingat, hidup atau mati dikuasai oleh lidah (perkataan) kita! (Amsal 18:21). Oleh sebab itu orang yang sudah matang rohaninya hanya akan mengucapkan kata-kata yang membangun dan menghidupkan semangat orang lain!

## 3. **Tindakannya** (Yakobus 2:26)

Kematangan rohani juga tercermin dari setiap tindakan yang kita lakukan. Bagaimana kita bertindak/bekerja akan mengungkapkan tahap kematangan rohani diri kita. Orang yang matang rohani akan bertindak/bekerja dengan penuh tanggungjawab. Mereka tidak bekerja dengan asal-asalan dan sambil lewa saja. Orang yang matang rohani bukanlah orang yang malas dan pasif. Tetapi orang yang bekerja keras, bertanggungjawab, mengurus dengan baik dan selalu berbuat baik. Buah hidupnya nyata dinikmati orang lain.

## 4. **Sikapnya**

Orang yang matang secara rohani tercermin dari sikap yang diperlihatkannya. Dia bersikap



bertanggungjawab mengembangkan apa yang dipercayakan kepadanya (Matius 25:14-30), tidak membeza-bezakan orang miskin ataupun kaya (Yakobus 2:1-5), tidak pilih, rendah hati dan tahu bersyukur.

### **5. Reaksinya**

Kematangan rohani tercermin dari reaksi seseorang sewaktu dia mengalami penderitaan atau pengalaman pahit. Mereka akan memilih untuk mengampuni, memaafkan, dan bersandar kepada Tuhan.

### **6. Keinginan dan Kerinduannya**

Kematangan rohani terlihat dari keinginan dan kerinduannya. Orang yang matang rohani akan mencari perkara-perkara yang di atas (rohani) lebih dari perkara-perkara duniawi (Kolose 3:1-2). Mereka juga selalu berusaha mencari kehendak dan tujuan Tuhan untuk dirinya. Keinginan dan kerinduannya selaras dengan kehendak Tuhan.

Kesimpulannya, orang yang matang rohaninya akan bersikap, berfikir, bertindak dan bereaksi secara tepat sesuai dengan kehendak Tuhan. Mereka juga akan hidup untuk melayani Tuhan dan sesama manusia dengan sepenuh hati mereka.

## Soalan Untuk Perbincangan

1. Menurut anda, mengapakah Yesus menjadikan doa sebagai prioriti peribadi yang paling utama?
2. Apakah yang anda akan katakan kepada mereka yang mendakwa 'saya boleh berdoa sendirian, tapi saya langsung tak boleh membuka mulut ketika berada di dalam kumpulan'?
3. Martin Luther pernah berkata, "Bukan apa yang saya tidak faham dalam Alkitab yang merisaukan saya. Tetapi apa yang saya fahami." Apakah pendapat anda?

4. Mengapakah gambaran Alkitab yang lebih menyeluruh amat penting?
5. Berapa pentingkah amalan 'Masa Teduh' di dalam kehidupan anda?
6. Apa 6 tanda kematangan rohani dalam kehidupan seorang Kristian?
7. Mengapakah sikap berterima kasih/bersyukur itu dikatakan sebagai satu tanda kematangan rohani? (Lihat Lukas 17:11-19)

NOTA

---